

Hampir gila hidu gam

→ Otak kecil, personaliti Danial seakan budak-budak

Oleh Halina Mohd Noor
halina_mdnoor@bh.com.my

Sekali terjebak dengan kegiatan hidu gam, bukan mudah untuk berpatah ke pangkal jalan, apatah lagi selepas lebih sepuluh tahun hidup bertemankan tabiat buruk itu.

Inilah yang dilalui Danial (bukan nama sebenar), 30, masih berjuang mengawal ketagihan menghidu gam sehingga hari ini.

Ternyata bukan mudah untuk menghilangkan 'kerinduan' pada bau gam yang akan membawa dirinya melayang ke alam fantasi sambil mencapai bulan dan bintang.

"Terlalu banyak cabaran dihadapi untuk mengikis ketagihan ini sehingga saya terpaksa tinggal di wad mental di Tampoi dan pusat pemulihan dadah.

"Sakitnya apabila tidak dapat menghidu gam

tidak dapat digambarkan sehingga hidup menjadi huru-hara," katanya yang ditemui ketika baru pulang bekerja dekat sebuah pekan kecil di selatan tanah air.

Katanya, dia mula menghidu gam sejak berusia 18 tahun apabila kebosanan mula menerjah selepas meninggalkan alam persekolahan.

Hidu dalam semak

Sekurang-kurangnya gam yang dibeli pada harga RM3.60 setin dari kedai berhampiran kawasan perumahan itu perlu dihidu dua kali sehari.

Demi membeli gam, Danial sanggup meredah pusat pembuangan sampah dan menahan bau busuk menusuk hidung mencari barang terpakai yang boleh dijual di pusat kitar semula.

Duit hasil jualan digunakan membeli gam yang dihidu di dalam semak bersama rakannya.

"Dalam sehari, saya memerlukan RM10 untuk membeli gam dan sanggup buat apa sahaja untuk mencari wang.

"Sepanjang menghidu gam, hidup saya memang kalam-kabut, bau badan sangat busuk dan penampilan

juga serabut," katanya.

Dia berkata, dengan keadaannya itu, ibu bapa dan adik-beradik lain mula mengesyaki beliau terbabit dengan kegiatan tidak sihat.

"Tembelang Danial pecah apabila suatu hari dia ditahan polis ketika sedang khayal akibat menghidu gam.

Keluarga terlalu sedih

Keluarganya terlalu kecewa apabila mengetahui apa yang dilakukannya selama ini.

"Paling menyentuh hati saya, apabila ibu merayu kepada pihak agensi dadah untuk menahan saya dan meletakkan saya di pusat pemulihan.

"Walaupun tidak ada akta membolehkan saya ditahan, saya dibenarkan tinggal di pusat pemulihan selama empat bulan kerana keluarga tidak mampu mengawal keadaan saya," katanya yang mengakui bertukar ganas termasuk meracau apabila tidak dapat menghidu gam.

Ekoran itu, keluarganya terpaksa mengurungnya di dalam bilik bagi mengelakkan perkara yang tidak diingini.

Akibat terlalu lama menghidu gam, hasil pemeriksaan doktor di sebuah hospital kerajaan di Batu

Pahat mendapati otaknya mengecut, keadaannya menjadi seperti budak.

Otak mengecut, tingkah laku berubah

Tingkah lakunya seakan kanak-kanak dan sukar memahami apa yang dipertakakan orang lain.

Kadangkala dia dilihat bercakap seorang diri seolah-olah ada orang di hadapannya.

Akhirnya Danial dimasukkan ke wad mental selama tiga hari dan diberikan ubat risperidone.

"Saya perlu makan ubat hospital yang kuat untuk menghentikan rasa gila dan kalau saya hidu gam juga, saya tidak khayal, tetapi rasa badan lemah serta loya.

"Saya berazam berhenti kerana tabiat hidu gam ini tidak bermanfaat, malah saya hampir menjadi tidak waras kerana otak mengecut," katanya yang kini sudah pulih sepenuhnya.

Sokongan keluarga khususnya ibu bapa dan adik-beradiknya menguatkan semangat Danial untuk bebas daripada ketagihan.

Dia berhasrat ingin berdikari mencari pendapatan yang halal tanpa perlu menyusahkan keluarganya.

Info

→ Tiada akta khusus untuk kesalahan menghidu gam.

→ Penagih gam tidak boleh ditahan dan dimasukkan ke pusat pemulihan.

Fungsi risperidone

→ Sejenis ubat antipsikotik digunakan untuk menangani skizofrenia dan gangguan mental


Fakta mengenai otak

→ Otak manusia terdiri daripada 100 juta neuron (saraf).

→ Maklumat di otak dipindahkan sejauh 268 milimeter sejam.

→ Ketika mabuk atau khayal, keparitasannya akan berkurangan.

→ Pertumbuhan otak manusia berhenti tumbuh pada usia 18 tahun.



Kesan mudarat hidu gam

Gangguan saraf otak

- Sel kimia dalam otak gagal berfungsi
- Risiko nyanyuk
- Hilang ingatan
- Gangguan emosi
- Kemurungan

Jantung

- Gagal berfungsi
- Gangguan saluran darah ke jantung
- Kesan panas dalam badan, tidak selesa
- Mual/muntah

Risiko serangan kanser hati

- Organ gagal menghasilkan albumin iaitu protein dalam darah
- Risiko tinggi diserang kanser

Paru-paru gagal berfungsi

- Oksigen kurang dalam badan
- Mangsa mengalami sesak bernafas
- Kesan kekurangan oksigen ke otak

Sistem saraf terganggu

- Gangguan saraf punca kerosakan organ dalaman
- Gangguan saraf otak
- Kurang daya ingatan
- Sakit mental

Gangu fungsi buah pinggang

- Gagal berfungsi
- Gagal menghasilkan air kencing seperti biasa
- Risiko serangan penyakit buah pinggang kronik

► Paling menyentuh hati, apabila ibu merayu kepada pihak agensi dadah untuk menahan saya dan meletakkan saya di pusat pemulihan

Danial

RM10

→ diperlukan Danial setiap hari untuk membeli gam



Tabiat bahayakan sel saraf otak

Tabiat menghidu gam boleh menyebabkan sel saraf otak mati apabila bahan kimia di dalam cecair berkenaan meresap ke dalam sistem saraf berkenaan. Ini menyebabkan penagih gam tidak dapat berfikir seperti orang normal dan hidup di alam khayalannya sendiri.

Ketua Jabatan Anatomi, Fakulti Kesihatan dan Perubatan, Universiti Putra Malaysia, Dr Aris Moklas, berkata sel saraf otak yang mati menyebabkan individu terbabit tidak dapat

berfikir dengan sempurna.

Penagih berhalusinasi

"Halusinasi seperti yang dialami penagih gam bukan perkara luar biasa. Antara rawatan untuk mereka ialah dengan mengambil ubat yang lazimnya dimakan mereka yang mengalami masalah mental.

"Ini bergantung kepada keadaan pesakit, mereka akan mengalami kesan teruk akibat kegiatan itu," katanya mengulas keadaan yang dihadapi Danial.

Menyentuh sama ada sel saraf boleh tumbuh semula atau sebaliknya, Dr Aris berkata, secara semula jadinya, sel saraf tidak boleh tumbuh semula, namun kajian terkini menunjukkan saraf boleh menghasilkan sel baharu dalam keadaan tertentu.

Beliau berkata, pembentukan sel baharu itu boleh dilakukan menerusi pengambilan makanan seimbang. Amalan gaya hidup sihat berupaya merangsang pertumbuhan semula sel saraf baharu.



► Antara rawatan untuk penghidu gam ialah dengan mengambil ubat yang lazimnya dimakan mereka yang mengalami masalah mental

Dr Aris Moklas,
Ketua Jabatan Anatomi,
Fakulti Kesihatan
dan Perubatan Universiti
Putra Malaysia